


Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

# Ambil iktibar ranjau capai kemerdekaan



Setiap negara yang mengesap nikmat kemerdekaan ada jalan cerita dan kisahnyanya tersendiri. Ada yang terpaksa bermandi darah dan ada yang berjaya melalui meja perundingan. Walau apapun kaedahnya, proses yang dilalui untuk memperoleh kemerdekaan itu tetap perit dan cukup terseksa. Ia tidak semudah yang disangka.

Negara kita juga tidak terkecuali daripada perkara ini. Walaupun pada akhirnya kita memperoleh kemerdekaan secara perundingan, namun proses sebelum itu dan ketika dijajah ratusan tahun oleh pelbagai pihak cukup terkesan hingga ke hari ini. Apa yang jelas negara ini juga ada jalan cerita yang panjang berhubung sejarah kemerdekaan daripada penjajah.

Generasi hari ini, terutama generasi pascamerdeka tidak berpeluang melalui dan merasai segala duri ranjau dan keperitan yang dilalui oleh pejuang kemerdekaan. Kesusahan, kemusnahan dan kezaliman diakibatkan oleh penjajah yang silih berganti tidak mungkin kita gambarkan mahupun bayangkan. Apa yang termampu sekarang hanyalah membaca dalam buku sejarah betapa tragisnya zaman penjajahan yang dilalui oleh nenek moyang kita. Kisah kemerdekaan itu sudah semestinya terpatери kemas dalam lipatan sejarah negara ini.

Sejarah dunia membuktikan betapa masyarakat yang tidak mengambil iktibar daripada sejarah kemerdekaan serta tidak mensyukuri nikmat yang ada pasti akan hancur dan musnah. Negaranya tidak pernah selamat dan aman. Pertelingkahan antara rakyat terus berlaku sehingga menghancurkan perpaduan dalam masyarakat. Negara seperti ini sentiasa terdedah kepada pencerobohan dan penjajahan daripada pelbagai aspek. Paling tidakpun minda mereka diracuni oleh anasir luar yang hanya menunggu peluang untuk menangkup di air yang keruh.

Penulis cukup terkesan apabila

menilai apa yang berlaku di negara dan masyarakat luar seperti di Iraq, Syria, Mesir dan juga di beberapa negara jiran kita sendiri. Negara itu sentiasa bergolak, berperang, ada negara yang ekonominya semakin menjunam sehingga boleh jatuh mufliis, kestabilan politik dan keamanan negara semakin tergugat. Penduduk pula hidup dalam ketakutan serta dihalau dan menjadi pelarian ataupun merempat di tanah sendiri. Nyawa mereka juga seolah-olah tidak bernilai langsung apabila pembunuhan terus berlaku, termasuk kekejaman dan penindasan terhadap kanak-kanak, kaum wanita dan juga warga tua.

## Cabaran

Inilah realiti di dunia luar yang sedang kita saksikan. Itu belum lagi usaha penjajahan baru melalui media sosial sehingga anak muda semakin hanyut, hilang tumpuan dan mudah terpengaruh dengan pelbagai dakwah, ajaran dan fahaman kononnya atas nama hak dan kebebasan. Ini jelas akan merosakkan generasi pelapis sesebuah negara berkenaan.

Sedar atau tidak ciri-ciri dan bukti kerosakan, kemusnahan, kehanjuran serta penjajahan baru ini sudah mula menular dalam masyarakat kita, terutama dalam kalangan generasi muda. Secara jujurnyanya kita perlu akui betapa kita risau dan kluatir mengenai nasib dan hala tuju masa depan negara dan masyarakat kita tatkala gejala kurang sihat terus meracuni generasi muda dan mula mengancam masyarakat kita secara keseluruhannya.

Hakikatnya hari ini jenayah siber semakin meningkat dan menjadi-jadi, fitnah semakin berleluasa, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa juga tidak kurang hebatnya, kes jenayah lain seperti ragut, rompak, rogol, gengsterisme, vandalisme serta gejala dadah juga cukup merisaukan. Anak kecil yang tidak berdosa pula di buang merata tempat di samping kes dera juga semakin menjadi-jadi. Peningkatan gejala anak yang pukul dan mendera ibu dan bapa juga dengan jelas membuktikan betapa rendahnya nilai-nilai murni yang pernah kita agungkan satu ketika dulu.

Pada masa sama perbalahan antara kaum pula membuktikan betapa pengorbanan besar gene-

rasi dulu hampir menjadi sia-sia. Kelihatan hari ini kita begitu sukar untuk memahami orang lain, bertolak ansur mahupun bekerjasama. Isu sensitif diperdebat secara terbuka dan mula menjadi pertikaian sehingga mencetuskan perasaan prejudis dan prasangka buruk dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini. Jangan lupa kita juga sedang diuji hebat dalam aspek politik dan ekonomi. Kenaikan kos sara hidup pula terus mengimpit kehidupan rakyat. Perairan negara juga terus diceroboh dan menjadi sasaran. Malah, kapal terbang kita juga boleh menjadi mangsa keadaan sehingga ditembak jatuh.

## Maju ke hadapan

Jelas semua kejadian ini membuktikan betapa negara dan masyarakat kita juga tidak terlepas pelbagai ujian, rintangan, dugaan dan cabaran. Ringkasnya bumi mana tidak ditimpa hujan di mana air pun ada pasang surutnya. Maka demi menyelamatkan negara dan masyarakat, kita perlu kembali berpaut kepada semangat dan roh kemerdekaan yang pernah subur dalam generasi terdahulu. Kita perlu ambil iktibar dari sejarah kemerdekaan negara ini. Generasi hari ini perlu sedar dan faham betapa kita perlu sehati sejiwa dalam semua perkara andai mahu terus kekal bebas merdeka, aman dan damai serta menikmati kestabilan politik dan ekonomi yang kukuh.

Ironinya setiap tahun kita tidak terlepas untuk menyambut ulang tahun kemerdekaan negara tetapi berapa ramai yang betul-betul menghayatinya? Realitinya hari kemerdekaan sekarang tidak lebih daripada satu hari cuti umum kepada rakyat kita.

Maka sempena dengan hari kemerdekaan tahun ini marilah kita ambil masa sejenak untuk menginsafi segala musibah dan ujian yang menimpa kita agar kita tidak lupakan sejarah kemerdekaan negara tercinta.

Hanya masyarakat yang menghayati, menjiwai, menghormati dan ambil iktibar daripada sejarah lampau mampu terus bangun dan maju ke hadapan. Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

**Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM**

**FAKTA**  
Kita perlu sehati sejiwa dalam semua perkara andai mahu terus kekal bebas merdeka, aman dan damai